

**kenanga**

Kenanga Investors



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

### DANA WAKAF BENCANA : PELABURAN ALTERNATIF BANTU HADAPI BENCANA NEGARA

1. Menerusi Belanjawan 2022, Kerajaan telah meletakkan usaha untuk **memperkasa wakaf sebagai instrumen agihan semula kekayaan bagi pembangunan ekonomi ummah sebagai salah satu agenda nasional**.
2. **Sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia sebagai Dana Pemula kepada pelaksanaan Wakaf Bencana bermatlamat untuk membantu masyarakat yang terkesan akibat bencana alam di Malaysia.**
3. **Yayasan Waqf Malaysia bersama Kenanga Investors Berhad dan MATCH Foundation telah bekerjasama bagi menerbitkan Dana Wakaf Bencana - Kenanga Sustainability Series: Emergency Waqf Musa'adah Fund yang merupakan satu produk pelaburan dan sebahagian keuntungan daripada pelaburan tersebut menjadi wakaf yang bakal membantu mereka yang terkesan akibat bencana seperti ribut, banjir, tanah runtuh dan turut membantu menangani krisis wabak penyakit.**
4. YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengurus YWM, menerusi ucapan pelancaran Dana Wakaf Bencana – Kenanga Sustainability Series: Emergency Waqf Musa'adah Fund anjuran Yayasan Waqf Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Kenanga Investors Berhad dan Match Foundation berkata, "**Dana pemula yang disalurkan oleh Kerajaan berjumlah RM3 juta ini akan dilaburkan manakala manfaat pelaburan ini akan disalurkan secara tahunan oleh pihak Kenanga Investors Berhad selaku pengurus pelaburan kepada Kenanga Sustainability Series: Emergency Waqf Musa'adah Fund di mana sebahagian daripada keuntungan sebanyak 70% akan diwakafkan oleh pelabur sebagai wakaf tunai yang diwujudkan di bawah Yayasan Waqf Malaysia**".
5. **Sebahagian daripada dana terkumpul di dalam Dana Wakaf Bencana ini akan ditukarkan kepada aset kekal sama ada alih atau tak alih bagi tujuan pencegahan bencana dan bantuan bencana, manakala sebahagian lagi akan dilaburkan dalam bentuk aset yang menjana pendapatan dan juga pelaburan**

dalam pasaran kewangan patuh syariah bagi menghasilkan dana manfaat yang kemudian akan diagihkan dalam bentuk bantuan bencana seperti wang tunai, makanan, peralatan keperluan harian dan sebagainya.

6. Tambahnya lagi, **bagi memastikan penggunaan dana selari dengan hukum syara'**, agihan akan dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri selaku Pemegang Amanah Tunggal Wakaf di negeri masing-masing dan MATCH Foundation sebagai agensi penyelaras bagi tujuan persediaan menghadapi bencana dan juga bantuan sewaktu bencana.
7. Agensi-agensi bencana Kebangsaan seperti NADMA, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi-agensi bukan Kerajaan (NGO) utama berkaitan bencana seperti MERCY, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Malaysian Relief Agency juga akan digandingkan bagi memastikan agihan bantuan dapat disalurkan kepada penerima dengan telus, tersusun dan berkesan.
8. Pada majlis yang sama, AmBank Islamic yang diwakili oleh Encik Eqhwan Mokhzanee, Ketua Pegawai Eksekutif Ambank Islamic telah menyampaikan replika cek berjumlah RM1 juta sebagai sumbangan ke pelaburan Dana Wakaf Bencana – Kenanga Sustainability Series: Emergency Waqf Musa'adah Fund kepada wakil Kenanga Investors Berhad, Puan Mariam Veronica Bt Abu Bakar Seddek. Turut hadir bersama, YBhg. Dato' Selamat bin Paigo, Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Naib Pengerusi Yayasan Waqaf Malaysia. Selain sumbangan ke dana pelaburan, **orang ramai turut boleh menyumbang ke Dana Wakaf Bencana ini di akaun Yayasan Waqaf Malaysia menerusi Ambank Islamic di 2342022003053.**
9. YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad turut menyeru kepada lebih ramai lagi badan-badan korporat untuk melabur di dalam produk ini bagi membantu meningkatkan lagi dana wakaf dan manfaat pelaburannya dapat digunakan untuk **membantu mereka yang terkesan akibat bencana seperti ribut, banjir, tanah runtuh dan membantu dalam menangani krisis wabak penyakit.**
10. Buat julung kalinya, Malam Apresiasi Wakaf Yayasan Waqaf Malaysia 2022 turut diadakan untuk meraikan para pemegang taruh Yayasan Waqaf Malaysia iaitu para pewakaf, wakil Majlis Agama Islam Negeri, dan rakan kerjasama strategik. Pada majlis tersebut, YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad telah menyampaikan beberapa anugerah penghargaan kepada rakan kerjasama strategik, anugerah pewakaf dan Ikon Wakaf Yayasan Waqaf Malaysia.
11. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut dan berwakaf, layari <https://ywm.gov.my/dana-wakaf-bencana>

- Tamat -

### **Maklumat mengenai Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf dan untuk berwakaf sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

### **Maklumat mengenai Kenanga Investors Berhad**

Kenanga Investors Berhad (KIB) merupakan sebuah institusi pelaburan yang menyediakan penyelesaian pelaburan untuk pelanggan runcit, korporat, institusi dan individu berprofil tinggi. KIB dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Capital Markets and Services Act, CMSA) 2007 untuk melakukan aktiviti-aktiviti pengurusan dana, urus niaga sekuriti (terhad kepada unit amanah), nasihat pelaburan, Skim Persaraan Swasta dan perancangan kewangan. Sebelum ini, YWM telahpun bekerjasama dengan KIB melalui produk Dana Kenanga Waqf Al-Ihsan yang dilancarkan pada 13 April 2021.

### **Maklumat mengenai MATCH Foundation**

MATCH Foundation pula merupakan sebuah platform koordinasi yang terdiri daripada lebih 20 buah Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), antaranya MERCY, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Malaysian Relief Agency dan lain-lain lagi. MATCH Foundation berfungsi sebagai hab kerjasama peringkat nasional pertama yang bertujuan untuk mempermudahkan penghantaran bantuan kemanusiaan dan juga bertindak sebagai penyelaras bagi pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan keberkesanan tindak balas bantuan di peringkat nasional.

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Yayasan Waqaf Malaysia**

1. **Puan Nur Syaffina binti Ab Rahim**  
**Pengurus Bahagian Dasar dan Pembangunan**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3888 925 | syaffina@ywm.gov.my**
2. **Puan Hanim Idzura binti Mohd Kalyubi**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**019-3888 016 | hanim@ywm.gov.my**

#### **Kenanga Investors Berhad**

1. **Encik Muhammad Khumeini Hairudin**  
**+603 – 2172 2917 | khumeini@kenanga.com.my**
2. **Puan Puteri Zelia Athirah**  
**+603 – 2172 2920 | Zelia@kenanga.com.my**